



**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION**

PENGUMUMAN

KEPUTUSAN YANG DICADANGKAN TERHADAP LAPAN PERUSAHAAN KERANA MELAKUKAN TIPUAN BIDA

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ingin menegaskan bahawa kes berkaitan tipuan bida yang melibatkan sebut harga dan tender yang dikemukakan oleh lapan (8) syarikat IT kepada Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) adalah masih berada di dalam peringkat keputusan cadangan, iaitu di bawah Seksyen 36 Akta Persaingan 2010.

Keputusan muktamad akan dikeluarkan di bawah Seksyen 40 Akta Persaingan 2010 setelah Suruhanjaya mendengar dan mempertimbangkan serahan balas kesemua lapan (8) syarikat terbabit melalui representasi bertulis dan/atau lisan. Lapan syarikat terbabit adalah Tuah Packet Sdn Bhd, Caliber Interconnects Sdn Bhd, Aliran Digital Sdn Bhd, Viamed Sdn Bhd, Novatis Resources Sdn Bhd, Silver Tech Synergy Sdn Bhd, Basenet Technology Sdn Bhd and Venture Nucleus (M) Sdn Bhd.

Pada masa ini, penalti kewangan berjumlah RM1.94 juta adalah masih pada tahap cadangan dan belum dimuktamadkan sehingga Keputusan Akhir dikeluarkan. MyCC ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada ASWARA kerana memberikan kerjasama dan sokongan penuh kepada kami dalam membongkar kartel tipuan bida ini.